Ramu a/l Kuppusamy lwn Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–16 OF 2006(4)
AZAHAR MOHAMED H
11 OCTOBER 2006

Prosedur Jenayah — Habeas corpus — Tahanan pencegahan — Ketidakpatuhan atau pelanggaran Kaedah-Kaedah — Persidangan Lembaga Penasihat diteruskan sungguhpun pemohon memohon penangguhan yang singkat supaya peguamnya dapat hadir — Sama ada melanggar kaedah — Kaedah-Kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Acara) 1972 (Kaedah 1972) k 6

Pada 19 Disember 2003, responden pertama telah mengeluarkan satu Perintah Tahanan terhadap pemohon supaya pemohon di tahan selama dua tahun mulai dari 19 Disember 2003. Semasa persidangan Lembaga Penasihat untuk mengulang kaji perintah tahanan terhadapnya, pemohon telah melahirkan hasratnya untuk diwakili oleh seorang peguam. Persidangan Lembaga diteruskan sungguhpun pemohon telah memohon penangguhan yang singkat supaya peguamnya dapat hadir. Ini adalah satu notis usul yang difailkan oleh pemohon di bawah s 365(1) Kanun Prosedur Jenayah untuk satu perintah bahawa tahanan pemohon oleh responden kedua di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ('Ordinan 1969') adalah tidak sah dan terbatal. Pemohon memohon agar satu writ habeas corpus dikeluarkan dan juga memohon satu perintah supaya dia dibebaskan serta-merta daripada tahanan tersebut. Pemohon telah membangkitkan isu ketidakpatuhan atau pelanggaran k 6 Kaedah-Kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Acara) 1972 ('Kaedah 1972').

Diputuskan, membebaskan pemohon:

(1) Kaedah 6 Kaedah-Kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Acara) 1972 (Kaedah 1972) dengan jelas memperuntukkan bahawa orang tahanan seperti pemohon mempunyai hak untuk diwakili oleh seorang peguam. lanya merupakan peruntukan statut yang mandatori. Penggunaan perkataan 'adalah' menunjukkan prima facie niat pihak legislature bahawa peruntukan itu adalah sesuatu yang mandatori dan bukan hanya memberi arahan. Kehendak peruntukan itu adalah penting dan mempunyai kesan ke atas perkara tersebut dan ketidakpatuhan tidak boleh dibenarkan (lihat *Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia* [1991] 3 MLJ 28). Undang-undang yang menyekat kebebasan seseorang adalah tertakluk kepada pentafsiran yang ketat (lihat perenggan 6); *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v Lee Gee Lam and another application* [1993] 3 MLJ 673 diikut.

(2) Dakwaan pemohon mengenai isu yang material tersebut tidak pula disangkal atau dijelaskan oleh pihak responden. Tiada sebarang penjelasan dikemukakan mengapa persidangan Lembaga diteruskan sungguhpun pemohon telah memohon penangguhan yang singkat supaya peguamnya dapat hadir. Kegagalan pihak responden untuk menyangkal atau menjelaskan penegasan positif pemohon itu boleh disifatkan sebagai satu pengakuan pihak responden tentang fakta yang dinyatakan oleh pemohon itu (lihat perenggan 8); *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank* [1995] 1 MLJ 281 diikut.

(3) Dalam keadaan kes ini telah berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran serius kehendak mandatori k 6 Kaedah 1972 dan ini mengakibatkan penahanan pemohon selepas Lembaga bersidang sebagai tidak sah (lihat perenggan 9).

[English summary

On 19 December 2003, the first respondent issued a detention order against the applicant to be detained for a period of two years commencing 19 December 2003. During the hearing by the Advisory Board for a review of the detention order against him, the applicant made known his wishes to be represented by a counsel. The hearing of the Board continued even though the applicant applied for a short adjournment to enable his counsel to attend. This is a Notice of Motion filed by the applicant pursuant to s 365(1) Criminal Procedure Code for an order that his detention by the second respondent under the Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969 is null and void. The applicant applied for a writ of habeas corpus to be issued and also applied for an order that he be released immediately from detention. The applicant raised the issue of failure to comply or in breach of r 6 of the Public Order and Prevention of Crime (Procedure) Rules 1972 ('1972 Rules').

Held, acquitting the applicant:

(1) Rule 6 of the Public Order and Prevention of Crime (Procedure) Rules 1972 clearly state that a detainee such as the applicant here has the right to be represented by a counsel. It is a mandatory provision of the statute. The use of the word 'shall' shows that prima facie the intention of the legislature is that the provision is a mandatory provision and not just directory. The intention of the provision is important and it has an effect on the matter and non-compliance cannot be condoned (see *Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia* [1991] 3 MLJ 28). The law that restricts the fundamental liberties of a person should be interpreted strictly (see para 6); *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v Lee Gee Lam and another application* [1993] 3 MLJ 673 followed.

(2) The claim by the applicant on the material issue was not refuted nor explained by the respondent. There was no explanation offered as to why the Board continued with the hearing even thought the applicant requested for a short adjournment to allow her counsel to attend. The failure by the respondent to refute or explain the positive assertion by the applicant is usually treated as an

admission by the respondent of the fact so asserted (see para 8); *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank* [1995] 1 MLJ 281 followed.

(3) In the instant case, there was a serious non-compliance or in breach of the mandatory provision of r 6 of the 1972 Rules and this resulted in the detention of the applicant after the Board sits as void (see para 9).]

Nota-nota

Untuk tahanan pencegahan, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 1963–1981.

Kes-kes yang dirujuk

Gunasilan a/l Ramasamy Iwn Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia dan lain-lain [2005] 7 MLJ 88 (dirujuk)

Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan 2 yang lain [2005] 3 CLJ 914 (dirujuk)

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v Lee Gee Lam [1993] 3 MLJ 673 (diikut)

Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank [1995] 1 MLJ 281 (diikut)

Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia [1991] 3 MLJ 28 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Acara) 1972 k 6
Kanun Prosedur Jenayah s 365(1)
Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 s 7(c)(1)

RR Mahendran (RR Mahendran & Co) bagi pihak pemohon.
Asnawi bin Abu Hanipah (Peguam Persekutuan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia) bagi pihak responden.

Azahar Mohamed H:

[1] Ini adalah satu notis usul di lampiran 3 yang difailkan oleh pemohon di bawah s 365(1) Kanun Prosedur Jenayah untuk satu perintah bahawa tahanan pemohon oleh responden kedua di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ('Ordinan 1969') adalah tidak sah dan terbatal. Pemohon memohon agar satu writ habeas corpus dikeluarkan dan juga memohon satu perintah supaya dia dibebaskan serta-merta daripada tahanan tersebut.

[2] Fakta yang tidak dipertikaikan menunjukkan bahawa pada 19 Disember 2003 responden pertama telah mengeluarkan satu perintah tahanan terhadap pemohon supaya pemohon di tahan selama dua tahun mulai dari 19 Disember 2003 di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor. Untuk memudahkan rujukan, perintah tahanan tersebut diperturunkan di bawah ini:

OD (KAMI) IB

ORDINAN DARURAT

(KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) 1969

PERINTAH TAHANAN

[Seksyen 4(1)1]

Kepada:

Pegawai Yang Menjaga Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor;

Ketua Polis Negara, Malaysia;

Semua Pegawai Polis Diraja Malaysia yang berkenaan.

BAHAWASANYA saya, berpuashati yang Perintah Tahanan adalah perlu dibuat ke atas orang yang namanya tersebut di bawah ini dengan tujuan;

a ~~f[]\ iWfofti»*iaiftft4*Mftfl>6ifli[]dd*weHft*fedflfowifiwOfiw*HtfO*'didl*dfiftflafettfl[]Wft8 *~~

b menghapuskan kekerasan *

c mencegah jenayah melibatkan kekerasan *

Nama	Nombor Kad Pengenalan
RAMU A/L KUPPPUSAMY	821009-14-6785

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 4(1), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, saya dengan ini memerintahkan supaya orang yang namanya yang tersebut di atas ditahan selama dua (21 tahun mulai dari 19 haribulan Disember 2003. di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang diarah dari semasa ke semasa.

Diperbuat pada 19 haribulan Disember 2003

t.t

(DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN)

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri

Malaysia

[KAMJ 15395]

* Potong yang tidak berkenaan

[3] Sebelum saya membincangkan isu yang dibangkitkan oleh pemohon, saya ingin merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan 2 yang lain* [2005] 3 CLJ 914. Apa yang jelas daripada autoriti tersebut ialah bahawa dalam sesuatu permohonan habeas corpus mahkamah hanya mempunyai bidang kuasa untuk meneliti ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak prosedur di bawah Ordinan 1969 tersebut (sila lihat *Gunasilan a/l Ramasamy Iwn Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia dan lain-lain* [2005] 7 MLJ 88. Di hadapan saya, En RR Mahendran yang mewakili pemohon telah membangkitkan isu ketidakpatuhan atau pelanggaran k 6 Kaedah-Kaedah Ketenteraman Awam dan Menchegah Jenayah (Acara) 1972 ('Kaedah 1972'). Pada hemat saya, pemohon dalam kes di hadapan saya ini

mempertikaikan serta membangkitkan isu ketidakpatuhan atau pelanggaran kehendak prosedur. Dalam erti kata lain, pemohon berhak di bawah s 7(c) Ordinan 1969 untuk membangkitkan isu yang berkenaan dalam permohonannya ini. Seksyen 7(c)(1) Ordinan 1969 menyatakan:

> (1) There shall be no judicial review in any Court of, and no Court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decisions made by Yang Di Pertuan Agong or the Minsiter in the exercise of their discretionary power in accordance with the Ordinance, save in regard to any question or compliance with any procedural requirement in this Ordinance governing such act or decision.

[4] Oleh yang demikian, apa yang perlu saya pertimbangkan dan putuskan ialah sama ada berdasarkan semua keterangan yang ada yang dikemukakan melalui afidavit kedua-dua belah pihak terdapat ketidakpatuhan ataupun pelanggaran mana-mana kehendak prosedur seperti yang dihujahkan oleh peguam pemohon yang bijaksana itu.

[5] Sepertimana yang telah saya nyatakan sebentar tadi En RR Mahendran telah membangkitkan isu ketidakpatuhan atau pelanggaran k 6 Kaedah-Kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Acara) 1972 ('Kaedah 1972') yang memperuntukkan seperti berikut:

> 6. Sebelum sesuatu perintah tahanan diulangkaji di bawah s 7 Ordinan itu, Pengerusi hendaklah mengarahkan supaya notis diberi kepada orang tahanan yang terhadapnya perintah itu berhubungan mengenai masa dan tempat di mana Lembaga akan bersidang untuk mengulangkaji perintah tahanan itu dan orang tahanan itu boleh hadir di hadapan Lembaga pada masa dan tempat itu dan, sama ada ia hadir sendiri atau tidak, adalah berhak untuk diwakili oleh seseorang peguambela.

[6] Peruntukan yang saya rujuk di atas dengan jelas memperuntukkan bahawa orang tahanan seperti pemohon dalam kes di hadapan saya ini mempunyai hak untuk diwakili oleh seorang peguam (the detained person shall be entitled to be represented by an advocate). Ianya merupakan peruntukan statut yang mandatori. Penggunaan perkataan 'adalah' (shall) menunjukan prima facie niat pihak legislature bahawa peruntukan itu adalah sesuatu yang mandatori dan bukan hanya memberi arahan (directory). Kehendak peruntukan itu adalah penting dan mempunyai kesan keatas perkara tersebut dan ketidakpatuhan tidak boleh dibenarkan (a mandatory requirement and therefore a breach thereof cannot be condoned) (sila lihat *Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia* [1991] 3 MLJ 28. Undang-undang yang menyekat kebebasan seseorang adalah tertakluk kepada pentafsiran yang ketat. Sepertimana yang diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v Lee Gee Lam* [1993] 3 MLJ 673, dalam mentafsirkan peruntukan statut berhubung dengan kuasa-kuasa tahanan pencegahan tanpa bicara, peruntukan-peruntukan tersebut hendaklah ditafsirkan secara ketat (strict) supaya kehendak peruntukan itu dipatuhi.

[7] Mengikut En RR Mahendran pemohon telah melahirkan hasratnya untuk diwakili oleh seorang peguam semasa persidangan Lembaga Penasihat untuk

mengulangkaji perintah tahanan terhadapnya. Hasrat pemohon ini dijelaskan di dalam afidavit beliau di lampiran 4 perenggan 9 seperti berikut:

> Saya sesungguhnya percaya bahawa pada tarikh pendengaran ulangkaji di bawah s 7 Ordinan tersebut saya telah memohon penangguhan kepada Lembaga Penasihat untuk membolehkan peguambela saya En RR Mahendran hadir tetapi Lembaga Penasihat tanpa sebarang alasan telah menjalankan pendengaran walaupun saya hanya memohon penangguhan yang singkat dan telah memaklumkan nama dan alamat firma guaman Tetuan RR Mahendran & Co melalui pemberian had panggilan firma guaman tersebut kepada pengerusi Lembaga Penasihat.

[8] Satu perbicaraan permohonan habeas corpus didengar berasaskan keterangan afidavit kedua-dua pihak. Dalam kes ini, dakwaan pemohon mengenai isu yang material tersebut tidak pula disangkal atau dijelaskan oleh pihak responden. Tiada sebarang penjelasan dikemukakan mengapa persidangan Lembaga diteruskan sungguhpun pemohon telah memohon penangguhan yang singkat supaya peguamnya dapat hadir. Pada pandangan saya, afidavit setiausaha kepada Lembaga Penasihat di lampiran 7 perenggan 6 gagal untuk menjelaskan atau menjawab dakwaan pemohon ini. Kegagalan pihak responden untuk menyangkal atau menjelaskan penegasan positif pemohon itu boleh disifatkan sebagai satu pengakuan pihak responden tentang fakta yang dinyatakan oleh pemohon itu. Dalam hubungan ini undang-undang juga menyatakan bahawa apabila mahkamah membuat penilaian keterangan afidavit, di mana sesuatu pihak membuat penegasan positif tentang suatu isu material, kegagalan penentangnya untuk menyangkal isu itu biasanya disifatkan oleh mahkamah sebagai suatu pengakuan olehnya tentang fakta yang ditegaskan itu. Prinsip undang-undang ini telah dijelaskan oleh Gopal Sri Ram HMR dalam kes *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank* [1995] 1 MLJ 281 saperti berikut:

> Now, it is a well-settled principle governing the evaluation of afidavit evidence that where one party makes a positive assertion upon a material issue, the failure of his opponent to contradict it is usually treated as an admission by him of the fact so asserted: *Alloy Automotive Sdn Bhd v Perusahaan Ironfield Sdn Bhd* [1986] 1 MLJ 382; *Overseas Investment Pte Ltd v Anthony William O'Brien & Anor* [1988] 3 MLJ 332.

[9] Dengan yang demikian, berasaskan keterangan afidavit yang ada di hadapan saya, saya mendapati pemohon telah dinafikan haknya untuk diwakili oleh seorang peguam. Pada hemat saya dalam keadaan kes ini telah berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran serius kehendak mandatori k 6 Kaedah 1972 dan ini mengakibatkan penahanan pemohon selepas Lembaga bersidang sebagai tidak sah. Berdasarkan alasan inilah saya membenarkan permohonan di lampiran 3 dan selanjutnya saya memerintahkan writ habeas corpus dikeluarkan terhadap pemohon dan pemohon dibebaskan serta merta daripada tahanan tersebut.

Permohon dibebaskan.

Reported by Sally Kee